

Kes bapa sembelih anak, anak bunuh bapa, jenayah rogol

Masyarakat bimbang

BH 15 JUL 2001

Oleh KADIR DIKOH, SALINA ABDULLAH,
LOKMAN ZAINAL ABIDIN, HAFIZAH
ISZAHANID dan SHAMSUL KAMAL
AMARUDIN

KUALA LUMPUR: Kes jenayah di luar batas kemanusiaan membabitkan bapa sembelih anak, anak bunuh bapa dan kes bunuh selepas merogol kanak-kanak dan pelajar sekolah, yang berlaku di beberapa tempat seluruh negara kebelakangan ini, menimbulkan kebimbangan masyarakat.

Perdana Menteri, pakar psikologi dan tokoh agama, ibu bapa khuatir kejadian itu menular menjadi masalah Melayu dan umat Islam yang sesetengahnya mudah terpengaruh dengan ajaran dan fahaman sesat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika

melahirkan rasa sedih dan sebak mengenai kes seperti itu percaya, ada kalangan masyarakat mudah dipengaruhi nilai negatif yang meruntuhkan akhlak dan sifat kemanusiaan.

"Orang ramai dikejutkan banyak peristiwa di luar batas kemanusiaan dan lebih membimbangkan peristiwa itu menjadi lebih kejam, termasuk buang bayi serta penderaan selain rompakan dan pembunuhan," katanya ketika mengulas beberapa kes jenayah sejak dua minggu lalu.

"Malah, kita dapati pengedaran bahan lucah sekarang ini berleluasa dan budak-budak peringkat tadika pun sudah dapat bahan-bahan ini. Yang ini saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri, dia cerita mengenai apa yang dia tengok.

"Saya agak terkejut macam mana dalam tadika pun, mereka sudah dapat ini," katanya

pada majlis Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir berkata, remaja amat terpengaruh dengan bahan lucah kerana bagi mereka, ia masih lagi misteri dan emosi mereka mudah tercuai sehingga terdorong melakukan kegiatan tidak baik seperti merogol.

"Mereka lakukan benda yang tidak baik, sehingga kanak-kanak umur lima tahun pun dirogol dan kadang-kadang dibunuh juga," katanya.

Pakar Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Hood Mohd Salleh, berkata perbuatan melampau seperti membunuh anak hanya dilakukan individu yang tidak stabil atau kurang siuman kerana tekanan sosial yang hebat.

LIHAT MUKA 3

‘...pengedaran bahan lucah sekarang ini berleluasa dan budak-budak tadika pun sudah dapat bahan-bahan ini. Yang ini saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri, dia cerita mengenai apa yang dia tengok.’

– Dr Mahathir

Orang waras tidak sanggup me

DARI MUKA 1

Beliau berkata, dalam keadaan tekanan sederhana, seseorang yang waras pasti tidak akan melakukan perbuatan itu, sebaliknya melepaskan kekecewaan atau rasa tidak puas hati dengan cara yang tidak membahayakan mana-mana pihak.

"Sesetengah individu gagal mengawal tekanan yang dihadapi sehingga menyebabkan mereka secara tidak sedar bertindak ga-

nas, termasuk mencedera atau membunuh anggota keluarga sendiri.

"Keadaan ini ada kaitan dengan teori amuk, yang mana seseorang yang berasa begitu tertekan akan mencari cara luar biasa untuk meluahkan kekecewaan selain mendapatkan perhatian daripada masyarakat," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Bagi menangani masalah itu, Prof Hood berkata, pihak terba-

bit harus mengkaji nilai sosial masyarakat setempat, sehingga menyebabkan individu terbabit berasa amat tertekan, menyisihkan diri daripada masyarakat dan bertindak di luar batas normal.

Prof Hood yang kini menduduki Kerusi Pengajian Melayu di Universiti of Wellington, New Zealand, berkata pada masa sama, ahli psikiatri perlu melihat aspek personaliti individu terbabit, selain aspek fizikal dan biologinya, yang mungkin me-

nyumbang kepada perbuatan melampau itu.

"Bagaimanapun, kajian ini tidak boleh dilakukan secara umum sebaliknya khusus kepada sesuatu kes kerana setiap individu mempunyai ketahanan dan kelemahan tersendiri.

"Sesuatu masalah yang dirasakan berat oleh seseorang individu itu mungkin tidak berat bagi individu yang lain. Oleh itu, kajian perlu khusus," katanya.

Sementara itu, Pakar Psikiatri

mbunuh anak sendiri

dan Pensyarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr Osman Che Bakar, berkata individu yang terbabit dengan ajaran yang menyeleweng daripada landasan agama, sebenarnya mengalami gangguan psikiatri tanpa sedar.

"Justeru, mereka terdorong untuk melakukan perbuatan sekejap itu terhadap individu lain termasuk keluarga sendiri.

"Di negara ini, kita maju dari segi pembangunan ekonomi dan

fizikal tetapi dari segi tanggungjawab sosial tidak diutamakan, sehingga menjurus kepada masalah ini," katanya.

Dr Osman berkata, pesakit psikiatri di negara ini kurang mendapat perhatian yang sewajarnya daripada masyarakat dan membuatkan pesakit berkenaan merasa seolah-olah tersisih.

"Pesakit psikiatri tidak sedar mereka mengalami gangguan mental...justeru ahli keluarga dan masyarakat seharusnya peka me-

ngenai tahap kesihatan mereka.

"Jika sudah ada tanda-tanda penyakit seperti ini...mereka harus mendapatkan rawatan, jangan ambil risiko membiarkan mereka bersendirian dengan kanak-kanak semata-mata kerana kita sibuk dengan kerjaya dan tumpuan ekonomi.

"Jika pesakit mental mendapat rawatan dan mengambil ubat pada tahap yang betul pesakit mental tidak akan mengganggu orang lain.